

NTU, HP lancar makmal \$84j bangun teknologi perkilangan digital

SEBUAH makmal penyelidikan korporat yang ditubuhkan dengan kerjasama syarikat teknologi HP telah dibuka secara rasmi di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) semalam.

Bernilai \$84 juta, makmal itu serta 100 penyelidik dan kakitangannya akan memberi tumpuan kepada teknologi perkilangan digital, khususnya dalam bidang percetakan 3D, kecerdasan buatan (AI), pembelajaran mesin, bahan dan aplikasi baru, keselamatan siber dan pembuatan mengikut tempahan.

Kerjasama itu, yang sejajar dengan penekanan nasional terhadap pe-

rubahan industri, akan turut membangunkan kurikulum pendidikan bagi reka bentuk perkilangan tambahan, lapor *The Straits Times*.

Ia akan meliputi bidang seperti pengurusan data, keselamatan, pengalaman pengguna dan model perniagaan.

Ini ialah kerjasama makmal universiti pertama HP di Asia.

Kerjasama itu dimeterai semalam oleh naib presiden (penyelidikan) NTU, Profesor Lam Khin Yong, serta ketua pegawai teknologi dan ketua makmal HP, Encik Shane Wall.

Menteri Kewangan Heng Swee Keat, yang juga pengerusi Yavasan

Penyelidikan Kebangsaan Singapura (NRF), merasmikan pembukaan rasmi makmal itu.

Dalam ucapannya, Encik Heng berkata usaha mengumpulkan saintis dan jurutera syarikat di universiti setempat bertujuan menjalinkan hubungan penyelidikan dan pengembangan (R&D) yang bersifat jangka panjang dan strategik di Singapura.

“Ini mewujudkan lebih banyak nilai bagi syarikat sedang mereka meningkatkan daya saing produk dan perkhidmatan mereka yang sedia ada, dan mencipta produk dan perkhidmatan baru yang memenuhi permintaan pasaran baru,” ujar Encik Heng.

Selain itu, pelajar di universiti setempat meraih peluang untuk bekerja dengan teknologi canggih serta memperoleh kemahiran baru, kata Encik Heng.

Tambahnya, ini menyokong pertumbuhan syarikat yang berterusan di Singapura, sekali gus menghasilkan pekerjaan yang baik di Singapura.

NRF menyokong usaha menubuhkan makmal korporat melalui perkongsian awam-swasta. Ini ialah makmal ke-13, serta makmal ketujuh di NTU, yang disokong NRF.

Ketua Eksekutif NRF, Profesor Low Teck Seng berkata: “Makmal

korporat ialah sebahagian daripada strategi kami untuk menjalin kerjasama R&D bersama universiti kami dan syarikat dalam bidang yang mempunyai kaitan langsung dengan pertumbuhan industri di Singapura.”

Beliau menambah, makmal baru itu penting bagi daya saing jangka panjang negara dalam sektor perkilangan lanjutan.

“Ia juga akan mengukuhkan keupayaan kami untuk menyokong syarikat berbilang negara untuk mengembang sayap di rantau ini,” kata Profesor Low.

Presiden NTU, Profesor Subra Suresh, berkata kerjasama dengan

HP merupakan satu pencapaian penting bagi NTU, kerana percetakan 3D – dan teknologi berkaitan seperti kecerdasan buatan, pembelajaran mesin dan keselamatan siber – adalah bahagian penting dalam Revolusi Perindustrian Keempat.

“Bersama HP Inc., sebuah penginovasi dan peneraju mapan dalam industri teknologi, NTU ingin menangani cabaran asas hari ini dengan huraian yang akan memberi manfaat kepada industri dan masyarakat di Singapura dan dunia, seperti membangunkan automasi yang mampu meningkatkan produktiviti perkilangan,” katanva.